



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## **KES BAPA MELIWAT DAN MEROGOL ANAK DI MAHKAMAH JENAYAH SEKSUAL TERHADAP KANAK- KANAK**

Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-kanak Putrajaya telah mensabitkan seorang bapa (tertuduh) atas kesalahan liwat dan rogol dan dijatuhkan hukuman pada hari ini. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah mengikuti rapat perkembangan kes. Susulan itu, ibu dan anak telah diberi intervensi awal bagi mengawasi perkembangan kanak-kanak, membina semula perhubungan kekeluargaan antara ibu dan anak dan memastikan kestabilan emosi keluarga dalam menghadapi kecaman serta gangguan pihak luar.

Dalam menangani kes-kes jenayah seksual yang berlaku terhadap kanak-kanak kini, antara cabaran utama yang dihadapi oleh pihak KPWKM adalah untuk mempertingkatkan kesedaran masyarakat bahawa-

- (i) kanak-kanak dan remaja perlu dilengkapi dengan pendidikan seksualiti dan hak kanak-kanak bagi membolehkan mereka mengenal pasti dan melindungi diri daripada tingkah laku seksual yang salah; dan

(ii) masyarakat perlu memainkan peranan masing-masing termasuk tampil membuat laporan sekiranya terdapat maklumat tentang kes sebegini melalui Talian Kasih 15999 yang beroperasi selama 24 jam, 7 hari seminggu atau terus kepada pihak berkuasa.

Dalam hal ini, KPWKM secara berterusan berusaha menyediakan pelbagai inisiatif dan program advokasi dan kesedaran kepada ibu bapa dan kanak-kanak seperti Kempen Sahabat B.I.J.A.K "*Safe and Protect*", di bawah JKM, Program PEKERTI dan Cakna Diri di bawah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) serta pelbagai lagi program yang dijalankan dengan kerjasama Badan Bukan Kerajaan (NGO) seperti P.S *The Children dan Women Aid Organisation* (WAO). Setakat ini, seramai 715 ribu orang telah mendapat manfaat daripada program yang dilaksanakan.

KPWKM menyeru semua pihak terutama masyarakat seperti ketua masyarakat setempat, jiran tetangga, ibu bapa, guru berganding bahu membanteras jenayah seksual terhadap kanak-kanak demi masa depan kanak-kanak di Malaysia.

**Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat  
8 September 2017**